



05 JUL, 2025

TNB jamin tarif elektrik tidak bebankan mahasiswa

Berita Harian, Malaysia



TNB jamin tarif elektrik tidak bebankan mahasiswa

Kuala Lumpur: Sebahagian besar mahasiswa tidak terkesan dengan sebarang kenaikan tarif kerana mereka termasuk dalam kategori pengguna domestik yang mewakili lebih 23 juta isi rumah seluruh negara.

Menurut kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB), bil elektrik bagi kebanyakan pelajar yang menyewa di kediaman biasa atau tinggal di kolej kediaman, tidak akan mengalami sebarang kenaikan, tertakluk kepada corak penggunaan mereka.

Selain itu, TNB memaklumkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institusi pendidikan lain juga ditawarkan rebat 10 peratus, selain tawaran Insentif Cekap Tenaga, skim Ma-

sa Penggunaan dan Program Rebat Bil Elektrik RM40.

"TNB mengambil maklum kebimbangan dibangkitkan beberapa pihak, termasuk Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS), berhubung kesejahteraan mahasiswa susulan pelaksanaan semakan tarif elektrik berkuat kuasa 1 Julai lalu.

"Sebagai pembekal tenaga utama negara, TNB sentiasa peka terhadap keperluan pengguna daripada pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan pelajar," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Suruhanjaya Tenaga (ST), dilapor menyatakan lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung bakal me-

nikmati kadar tarif elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu berkuat kuasa 1 Julai lalu hingga 31 Disember 2027.

Menurut ST, penetapan tarif itu di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) selaras peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Pada masa sama, TNB memaklumkan melalui Insentif Cekap Tenaga, ia diberi kepada pengguna domestik mencatat penggunaan bawah 1,000 kWj sebulan, dengan menggalakkan amalan penjimatan tenaga dan mengurangkan bil bulanan mereka.

Katanya, langkah itu bukan saja membantu mengurangkan kos, tetapi turut menyokong matla-

mat tenaga mampan negara.

"Di samping itu, pelaksanaan skim Masa Penggunaan (Time of Use-ToU) bolehkan pengguna, termasuk mahasiswa jimatkan bil dengan mengalihkan penggunaan ke luar waktu puncak.

"Sebagai contoh, penggunaan peralatan elektrik berat seperti mesin basuh, pendingin hawa atau komputer boleh dijadualkan pada waktu luar puncak untuk menikmati kadar tarif lebih rendah," katanya.

Menurut TNB, melalui pemberian rebat 10 peratus yang turut diberikan kepada rumah kebajikan dan rumah ibadat itu, ia adalah langkah langsung membantu institusi pendidikan menguruskan kos operasi dengan

lebih cekap, sekali gus mengelakkan sebarang implikasi kos yang membebankan pelajar.

Katanya, Program Rebat Bil Elektrik RM40, iaitu bantuan bulanan sehingga maksimum RM40 juga diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar dan berdaftar dalam sistem e-Kasih di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Ia termasuk keluarga pelajar daripada golongan B40 yang mungkin turut menerima manfaat secara tidak langsung melalui bantuan ini.

"Semua langkah itu mencerminkan pendekatan menyeluruh dalam melindungi sektor pendidikan dan golongan yang memerlukan," katanya.